

MAJLIS PENYAMPAIAN SIJIL PENGHARGAAN DAN TAKLIMAT PENGGUNAAN PERUNTUKAN SKIM GERAN PENYELIDIKAN FUNDAMENTAL (FRGS) DAN SKIM GERAN DANA PEMBUDAYAAN PENYELIDIKAN (RAGS)

Majlis Penyampaian Sijil Penghargaan dan Taklimat Penggunaan Peruntukan Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) Fasa 1/2015 dan Skim Geran Dana Pembudayaan Penyelidikan (RAGS) Fasa 1/2015 telah diadakan pada 02 Disember 2015. Selain bertujuan menyampaikan Sijil Penghargaan kepada penyelidik, majlis ini juga adalah untuk memberi input serta kesedaran mengenai garis panduan dan tatacara melaksanakan perolehan geran penyelidikan. Seramai 44 penerima geran FRGS dan 14 penerima geran RAGS telah menerima Sijil Penghargaan yang melibatkan jumlah geran sebanyak RM4,269,500.00 (FRGS) dan RM654,000.00 (RAGS). Jumlah keseluruhan peruntukan geran adalah **RM4,923,500.00**.



EKSPLO CIPTAAN INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI ANTARABANGSA 2015 (PECIPTA)



Ekspo Penyelidikan dan Ciptaan Institusi Pengajian Tinggi Antarabangsa 2015 (PECIPTA 2015) telah diadakan pada 04 hingga 06 Disember 2015 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC). PENCIPTA kali ke-8 ini adalah di bawah anjuran Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan telah disempurnakan oleh Menteri Pendidikan Tinggi, Dato' Seri Idris Jusoh.

Tiga kategori yang telah dipertandingkan ialah Kategori Terbuka, Kategori Pengkomersilan dan Kategori Penyelidik Muda. Sebanyak 15 produk penyelidikan dan inovasi universiti menyertai program dwi-tahunan ini serta telah berjaya meraih empat pingat Emas, lima pingat Perak dan tiga Gangsa. Pingat Emas dianugerahkan kepada Profesor Dr. Yusri Yusof (Produk - New Open CNC Controller Based on ISO 14649 & 6983), Profesor Madya Dr. Aeslina Abdul Kadir (Produk - Mosaic Sludge Brick), Dr. Azrin Hani Abdul Rashid (Produk - Co-KEV Protective Panel) dan Dr. Noor Yasmin Zainun (Solid Waste Illegal Dumping Web (SWID WEB)). Produk hasil ciptaan dan inovasi Dr. Noor Yasmin Zainun daripada Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Sekitar (FKAAS) telah berjaya meraih **UNMC ICT Innovation Award** yang membolehkan beliau membawa pulang hadiah bernilai RM10, 000.00. Tahniah diucapkan kepada semua pemenang.



TAKLIMAT SKIM GERAN INSENTIF UNTUK PENERBITAN (IGSP) TAHUN 2015

Taklimat Skim Geran Insentif Untuk Penerbitan (IGSP) Tahun 2015 ini telah berlangsung pada 09 Disember 2015 di Bilik Seminar 1, Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FKEE). Seramai 15 orang telah berjaya menerima IGSP yang menawarkan geran dan sejumlah imbuhan tunai. Untuk tahun 2015, ORICC telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM340,000.00 kepada penerima geran yang berjaya. IGSP merupakan salah satu insentif yang ditawarkan oleh Universiti kepada penyelidik bagi mengiktiraf usaha gigih mereka dalam menghasilkan penerbitan jurnal berimpak tinggi dan berindeks Scopus.



BENGGEL HALATUJU I²E

Bengkel Halatuju Institut Kejuruteraan Integrasi (I²E) telah berlangsung selama tiga hari mulai 13 hingga 15 Disember 2015 bertempat di Mahkota Hotel Melaka. Para peserta yang hadir pada bengkel tersebut terdiri daripada Pengarah I²E, Semua Ketua COE dan Penyelidik-Penyelidik Utama COE. Penceramah Jemputan yang turut serta dalam bengkel tersebut ialah Profesor Datuk Dr. Abdul Khalil Shawkataly dari Pusat Pengajian Teknologi Industri, Universiti Sains Malaysia (USM). Bengkel yang dipengerusikan oleh Pengarah I²E iaitu Profesor Dr. Yusri Yusof bertujuan untuk membincangkan mengenai Visi, Misi, Objektif serta Halatuju I²E dan COE di universiti.

MESYUARAT JAWATANKUASA PENGURUSAN AMANAH ENDOWMEN

Jawatankuasa Pengurusan Amanah Endowmen berfungsi sebagai satu platform peringkat Universiti untuk merancang strategi, memantau proses dan aktiviti berkaitan dengan pengurusan endowment Universiti. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Amanah Endowmen Bil.3/2015 telah diadakan pada 31 Disember 2015 bertempat di Bilik Mesyuarat Utama, Perpustakaan Tunku Tun Aminah, UTHM.

Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh Profesor Datuk Dr. Mohd Noh Dalimin, Naib Canselor UTHM. Mesyuarat ini turut hadir, ahli-ahli yang dilantik iaitu Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Pendaftar, Bendahari, Dekan Pusat Inovasi, Pengkomersilan dan Perundingan, Pengarah Pusat Kemajuan & Hubungan Alumni dan Pegawai Perundingan Universiti. Beberapa kertas kerja telah dibentangkan dan dibincangkan untuk kelulusan dan makluman mesyuarat.

